

MAHASISWA & UNIVERSITI

Mohd Tajudin Ninggal

.3
N



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA





Profesor Datuk Dr. Mohd Tajudin Ninggal merupakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni) UTM yang kesebelas. Beliau memperoleh ijazah sarjana muda dalam bidang Psikologi Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 1989 dan Penerima Pingat Emas Canselor UPM pada tahun yang sama.

Sebaik sahaja tamat pengajian dengan memperoleh ijazah sarjana mudanya, Mohd Tajudin melanjutkan pengajian sehingga memperoleh ijazah sarjana dalam bidang Psikologi Kaunseling dari Western Michigan University, USA pada tahun 1994. Beliau seterusnya meneruskan pengajian sehingga memperoleh ijazah Ph.D dalam bidang Kaunseling dan Penyeliaan dari universiti yang sama pada tahun 1998.


Mohd Tajudin merupakan ahli Psikologi Kaunseling yang bertauliah dan telah berkhidmat dengan Universiti Teknologi Malaysia sejak 21 tahun yang lalu. Beliau berpengalaman cukup luas dalam bidang Pendidikan dan Psikologi Kaunseling. Sebagai seorang pendidik, ahli psikologi, pentadbir dan kaunselor profesional berdaftar yang berpengalaman, membolehkan Mohd Tajudin mendepani persoalan dalam aspek pembangunan sendiri, kepimpinan dan pembangunan modal insan dan kerjaya mahasiswa.

Mohd Tajudin sangat aktif dalam bidang penyelidikan dan muncul sebagai pencipta Profil Psikologi (berasaskan nilai dan norma masyarakat tempatan) atas talian yang pertama di Malaysia. Profil Psikologi yang dinamakan *Profil Psikologi TAJMA* direkabentuk menggunakan teknologi dan aplikasi web ini telah mendapat hak cipta pada tahun 2003. Profil TAJMA ini telah

TDM
FOC

Mahasiswa & Universiti

YABhg. Tuan,
Salam hormat dari saya.



PROF. DATUK DR. MOHD. TAJUDIN BIN HJ. NINGGAL
DEPUTY VICE CHANCELLOR
(STUDENT AFFAIRS & ALUMNI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

11 Sept. 2012





Profesor Datuk Dr. Mohd Tajudin Ninggal

**Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)**

Siri Perutusan Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)

Mahasiswa & Universiti

Mohd Tajudin Ninggal

PUSTAKA PERDANA



1013499



INTELLECTUAL PROPERTY AWARD 2010
Organisation Category
2008, 2009 & 2010



MERDEKA AWARD 2009
Outstanding Scholarly Achievement (Health, Science & Technology)



www.penerbit.utm.my

2011



Edisi Pertama 2011
Cetakan kedua 2012
© MOHD TAJUDIN NINGGAL 2012

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd Tajudin Ninggal

Mahasiswa dan Universiti / Mohd Tajudin Ninggal

(Siri Perutusan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (HEMA))

ISBN 978-983-52-0804-1

Editor: **KHALID MAZLAN & MOHD ZUBIL BAHAK**

Pereka Kulit: **HAFIZAH MOHAMAD AHYAH**

Diatur huruf oleh / *Typeset by*

PANTAS SET. SDN. BHD.,

26A, Jalan Pandan 2/1,

Pandan Jaya, Cheras,

55100 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT UTM PRESS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,

81310 UTM Johor Bahru,

Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

(PENERBIT UTM ahli MALIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (MAPIM) dan

anggota PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA (MABOPA)

dengan no. keahlian 9101)

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*

PERCETAKAN INFO MEDITASI SDN. BHD.,

No. 25, Jalan Balakong Jaya 1,

Taman Industri Balakong Jaya,

43300 Balakong,

Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.





Kandungan



<i>Kandungan</i>	v
<i>Falsafah, Visi, Misi dan Cogan Kata Universiti</i>	vii
<i>Prakata</i>	ix
1 Selamat Datang	3
2 Menjelang 2020	11
3 Universiti	17
4 Agenda Pembangunan Mahasiswa	27
5 Dasar Pembangunan Mahasiswa	35
6 Memperkasa Fungsi dan Peranan MPM	45
7 Generasi Y	53
8 Teknologi 4G	57
9 Tahun Pertama di Universiti	61
10 Buka Mata ke Arah Kecemerlangan	65
11 Kemenangan Kecil	71
12 Pagar Halimunan	77
13 Mencapai Cita-cita	81
14 Menuntut Ilmu	89
15 Penutup	97
Rujukan	101
Indeks	103



❧

Falsafah, Visi, Misi dan Cogan Kata Universiti

❧

Falsafah UTM sangat berkait rapat dengan hubungan pencipta dan hambanya. Falsafah ini mempunyai makna yang mendalam tentang kewujudan manusia, peranan dan tanggungjawabnya untuk memaju dan memperkembangkan kecemerlangan sains dan teknologi untuk kesejahteraan dan kemakmuran sejagat.

Undang-undang Allah adalah asas untuk sains dan teknologi. UTM berusaha dengan usaha yang menyeluruh dan bersepadu untuk mencapai kecemerlangan sains dan teknologi demi keamanan dan kemewahan sejagat sesuai dengan kehendak-Nya.

Visi Universiti

Diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia.

Misi Universiti

Menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan dan teknologi inovatif demi pengayaan khazanah negara.

Cogan Kata Universiti

Inovatif • Entrepreneurial • Global





Kampus Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru



Prakata



Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama hadir dalam suatu majlis yang amat bermakna pada hari yang indah dan bersejarah ini. Saya mengalu-alukan kehadiran para pegawai kanan universiti, pegawai-pegawai dari Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni (HEMA), barisan Pengetua, Felo serta Pembantu Felo Kolej Kediaman, barisan kepimpinan Majlis Kepimpinan Mahasiswa (MPM) dan Jawatankuasa Kepimpinan Mahasiswa Kolej Kediaman (JKM).

Tidak ketinggalan, dalam kesempatan ini saya ingin mengalu-alukan kehadiran krew Minggu Transformasi Mahasiswa yang saya kasihi. Anda semua adalah tulang belakang kepada Minggu Transformasi Pembangunan Mahasiswa (MTPM) yang telah berkorban begitu banyak masa dan tenaga untuk memastikan agar MTPM kali ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Anda telah bekerja bersungguh-sungguh sebagai sebuah pasukan dengan semangat '*esprit de corp*' untuk memastikan semua mahasiswa baharu tempatan dan antarabangsa

dapat menyesuaikan diri menjalani kehidupan kampus dalam suasana yang mesra dan harmoni.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada dua individu yang banyak membantu menyiapkan dan menyunting buku perutusan saya bagi kali yang keempat ini, iaitu saudara Khalid Mazlan dari Penerbit UTM *Press* dan saudara Mohd Zubil Bahak dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Mereka tidak jemu-jemu memberikan bantuan dan sentiasa sabar menantikan manuskrip untuk disunting, diolah dan dicetak. Tanpa sokongan dan jasa baik kalian dan semua yang terlibat, kemungkinan besar Siri Perutusan Timbalan Naib Canselor (HEMA) Keempat sempena Minggu Transformasi Mahasiswa Baharu kali ini tidak dapat diterbitkan dalam jangka waktu yang dikehendaki.

Semoga buku perutusan ini dapat memberi suntikan semangat kepada semua mahasiswa baharu yang mendaftar pada sesi 2012/2013, khususnya dan mahasiswa kanan UTM amnya ini untuk terus berjaya dalam bidang pengajian masing-masing dan terus mencipta kecemerlangan diri sehingga ke akhir hayat.

Salam hormat dari saya dan selamat maju jaya.

Mohd Tajudin Ninggal

UTM Skudai

Ogos 2012

**“ Orang yang berjaya dalam kehidupan
ialah mereka yang melakukan
sesuatu yang orang tidak berjaya
tidak mahu lakukan. ”**



Pintu Gerbang Kampus Universiti Teknologi Malaysia
Johor Bahru

Selamat Datang

Saya ingin mengambil kesempatan pada hari yang bersejarah dan penuh bermakna ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua mahasiswa baharu ke kampus lestari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor Bahru ini. Hari ini tentunya menjadi suatu hari yang cukup menggembirakan anda semua dan lakaran sejarahnya akan membuka suatu lagi lembaran baharu amat bererti dalam diari kehidupan anda. Syabas dan tahniah saya ucapkan atas pencapaian cemerlang yang telah anda peroleh dan seterusnya membolehkan anda berjaya terpilih untuk melanjutkan pengajian di UTM, sebuah Universiti Penyelidikan yang tersohor di negara kita.

Pihak universiti sangat berbangga dengan pencapaian akademik mahasiswa yang berjaya menjejakkan kaki mereka di universiti ini. Saban tahun,



kualiti mahasiswa yang diterima masuk ke UTM semakin meningkat terutamanya sejak empat tahun kebelakangan, iaitu bermula sesi kemasukan 2009/2010.

Pada tahun 2009, Purata Mata Gred Kumulatif (*Cumulative Grade Point Average (CGPA)*) mahasiswa yang layak masuk ke UTM ialah 3.18. Pada tahun 2010 dan 2011 pula, CGPA mahasiswa yang berjaya masuk masing-masing meningkat kepada 3.28 dan 3.47. Kini, pada tahun 2012, CGPA mahasiswa baharu yang menjejakkan kaki mereka ke UTM adalah 3.71 jauh melepasi sasaran yang diletakkan oleh pihak universiti, iaitu 3.60. Peningkatan pencapaian akademik ini menunjukkan bahawa kualiti akademik mahasiswa di UTM semakin baik dan cemerlang. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada anda semua.

Jadual 1 CGPA Kemasukan Mahasiswa ke UTM

Tahun Kemasukan	CGPA
2009/2010	3.18
2010/2011	3.28
2011/2012	3.47
2012/2013	3.71

Pihak universiti menaruh harapan yang tinggi agar kualiti kemasukan mahasiswa baharu pada masa akan datang lebih baik lagi. Dalam hal ini, pihak UTM

mensasarkan pada tahun 2020, semua mahasiswa yang berjaya diterima belajar di universiti ini mempunyai pencapaian CGPA 4.0. InsyaAllah, marilah kita sama-sama mendoakannya!

Saya berasa sangat gembira, bahkan tak keterlaluan kalau saya katakan cukup teruja menyaksikan terukirnya satu lagi lembaran sejarah di dalam diri setiap mahasiswa baharu yang berjaya menjejakkan kaki mereka ke menara gading. Lebih menggembirakan lagi apabila saya turut menjadi sebahagian daripada pelaku peristiwa bersejarah dalam kehidupan anda semua. Tahun ini ialah tahun yang kesepuluh saya berpeluang berkongsi ilmu dan pengalaman serta berinteraksi dengan semua mahasiswa baharu. Pada kali ini saya ingin berbicara tajuk yang sangat berkait rapat dengan diri anda sebagai seorang mahasiswa, iaitu ‘Mahasiswa dan Universiti.’

Lebih menggembirakan lagi apabila setiap tahun saya berpeluang bersua dan berhadapan dengan golongan orang muda melatari pelbagai latar belakang keluarga yang datang dari pelosok negara tercinta ke universiti ini dengan satu azam, iaitu ingin mencipta kejayaan dalam hidup masing-masing. Sesungguhnya kejayaan adalah hak setiap individu biasa yang mahu berusaha di luar daripada kebiasaan. Umpama kata pepatah bestari, “Hendak Seribu Daya, Mahu Seribu Upaya.”

Saya dapat merasakan bahang gelombang tenaga yang positif (*positive energy*) setiap kali saya berucap di hadapan anda semua sebagai mahasiswa baharu di dalam Dewan Sultan Iskandar yang serba indah ini. Di dalam dewan keramat dan bersejarah inilah juga berlangsungnya majlis konvokesyen bagi mahasiswa yang bergelar graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian selama tiga atau empat tahun selepas hari pertama mereka mendaftarkan diri sebagai seorang mahasiswa di universiti ini. Pada hari yang penuh bermakna itu semua graduan yang telah berjaya mencipta kecemerlangan akademiknya bukan sahaja membawa pulang segulung ijazah, bahkan membawa pulang seribu satu kenangan berupa pengalaman pahit manis yang mewarnai kehidupan semasa menuntut ilmu di sini. Lebih mengharukan apabila saya dapat melihat raut-raut wajah penuh kepuasan dan kesyukuran para ibu dan bapa yang mengiringi tanda gembira dengan sedu-tangis melihat kejayaan anak-anak mereka pada hari yang penuh bersejarah itu.

Selama sepuluh tahun berturut-turut saya dijemput oleh pihak universiti untuk berkongsi idea dan pengalaman dengan semua mahasiswa baharu tentang bagaimana untuk mempersiapkan diri mereka dalam menjalani kehidupan di kampus. Kampus UTM yang indah lagi permai ini beriltizam menjanjikan suatu kehidupan yang menarik kepada mereka yang sentiasa

inginkan kelainan dan gamitan cabaran baharu dalam kehidupan. Kehidupan kampuslah tempat anda mencari identiti diri dan meneroka potensi diri yang selama ini tersimpan dalam sanubari kehidupan anda. Ayuh, marilah anda kejut dan gerakkan gergasi yang sedang tidur di dalam diri anda itu untuk mencipta kejayaan demi kejayaan sepanjang perjalanan hidup anda di dunia ini.



Sebagai seorang pendidik, tiada ungkapan yang dapat diucapkan untuk menyatakan kepuasan diri apabila melihat mahasiswa yang menjejakkan kaki ke menara gading ini berjaya melakukan suatu bentuk perubahan atau transformasi di dalam diri masing-masing sebelum menamatkan pengajian. Di menara gading inilah tempat untuk menjadikan diri anda lebih baik daripada sebelumnya. Lebih matang perwatakannya, lebih kritis dan tajam mindanya, lebih terserlah bakat kepimpinannya, bahkan lebih luhur budi dan perilakunya. Lebih membanggakan lagi apabila saya melihat dan mendengar bahawa ramai daripada kalangan graduan UTM (kini telah mencecah hampir 150 ribu alumni) yang berjaya mencipta kecemerlangan dalam bidang kerjaya masing-masing bukan di peringkat dalam negara sahaja, malah mampu menempatkan diri merentas ke seluruh pelosok dunia.

Saya berasa amat bersyukur kerana berpeluang untuk bertemu dan berinteraksi dengan anda semua

yang bakal menjalani kehidupan baharu di kampus ini. Pertemuan kali ini merupakan pertemuan kali keempat saya dengan semua mahasiswa baharu dalam kapasiti saya sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni (HEMA)). Sebagai TNC (HEMA), saya bertanggungjawab dari segi pembangunan sahsiah dan pembentukan diri mahasiswa. Oleh itu, saya

ingin memastikan agar semua mahasiswa baharu telah bersedia dari segi mental, fizikal dan psikologi untuk mendepani ragam dan cabaran warna-warni kehidupan kampus. Menjadi harapan saya agar buku kecil ini mampu memberikan anda sedikit persiapan minda untuk menghadapi hari-hari muka di universiti ini. Yang pastinya, pertemuan hari ini tidak akan berakhir dalam Minggu Transformasi Mahasiswa ini sahaja. Saya akan sentiasa bersedia untuk terus berinteraksi dan berdampingan dengan mahasiswa dalam pelbagai aktiviti mendatang yang akan dianjurkan oleh para mahasiswa sendiri.

Tahun lepas saya berpeluang berkongsi dengan semua mahasiswa baharu tentang tajuk 'Mahasiswa dan



Universiti' semasa Minggu Transformasi Mahasiswa (yang dahulunya dikenali sebagai Minggu Haluan Siswa). Antara intipati perutusan saya menyentuh dan berkisar mengenai betapa pentingnya anda semua sentiasa melakukan perubahan-perubahan kecil secara berterusan untuk memungkinkan anda terus meningkatkan potensi diri. Kata ahli bijak pandai, "orang yang berjaya dalam kehidupan mereka yang melakukan sesuatu yang orang tidak berjaya tidak mahu lakukan."

Pada tahun ini, tajuk Mahasiswa dan Universiti masih menjadi sorotan dan kupasan saya. Cuma versi cetakan kali ini berbeza dengan cetakan sebelum kerana terdapat penambahan dan pindaan teks dalam perkara-perkara tertentu. Pengekalan sorotan ini berasaskan kepentingannya yang mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan seorang mahasiswa yang sentiasa inginkan kejayaan di dalam diri mereka. Buku kecil ini diharapkan akan menjadi sebuah buku terawal yang akan anda baca sebagai mahasiswa baharu. Semoga buku yang ditulis berdasarkan pandangan dan pengalaman saya sepanjang membimbing mahasiswa dapat menjadi pendorong dan sahabat baik anda sepanjang tiga atau empat tahun anda menjalani proses transformasi diri di kampus yang indah permai ini. Selamat Maju Jaya!



“ *Brilliant results don't just show up by chance. The finest things in life take patience, focus and sacrifice.* **”**





Menjelang 2020

Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Pada ketika itu diharapkan negara kita dengan bergayanya menjadi sebuah negara maju dengan penduduknya sudah mampu bersaing dalam pelbagai bidang ilmu dan aspek kehidupan. Oleh itu, transformasi ke arah menjadi masyarakat maju mengikut acuan sendiri bukan sahaja diasaskan kepada kemajuan ekonomi dan teknologi semata-mata tetapi juga kemajuan dalam pembangunan sosial, budaya, rohani, dan intelek. Antara kumpulan masyarakat yang diharapkan dapat memainkan peranan penting ke arah mencapai hasrat murni tersebut tidak lain ialah golongan mahasiswa yang sedang menuntut di institusi pendidikan tinggi (IPT) negara.

Lantaran itu, IPT memainkan peranan yang penting dalam pembinaan modal insan yang beretika

Tekad 2008

Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan sebagainya krusial secara berkesinambungan;

Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kesesakan birokrasi;

Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;

Memantapkan institusi keluarga; dan

Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

dan bertanggungjawab, di samping berperanan menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran, komited, dan cekap. Pada masa sama, penglibatan golongan mahasiswa dalam arus pembangunan negara akan dapat merealisasikan kejayaan yang ingin dicapai dan dilestarikan (Pelan Integriti Nasional, 2008).

Arus perkembangan semasa dan cabaran mendepani bidang pendidikan juga telah sedikit sebanyak membuka ruang lebih luas kepada universiti untuk memainkan peranannya dan terus berkembang. Komponen baharu dalam bidang pendidikan dipertingkatkan dan diperkasakan untuk melengkapkan lagi sistem pendidikan negara yang semakin mencabar dan sedang menerjah rentas ufuk global.

Tidak dapat dinafikan bahawa peranan universiti semakin penting dan relevan. Secara tidak langsung keadaan ini menyebabkan hubungan antara dunia pendidikan dengan dunia pekerjaan menjadi semakin intim dan penting. Sekiranya diamati, kedua-duanya perlu saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Maka wujudlah apa yang dikatakan sebagai sinergi dan harmoni dalam perhubungan.

Bidang pendidikan kini dilihat dalam konteks yang lebih luas dan diberikan interpretasi yang pelbagai


oleh pemimpin negara, tokoh korporat, pendidik, ahli pemikir masyarakat, pengkaji, aktivis, malah tidak terkecuali oleh mahasiswa itu sendiri di seluruh dunia selari dengan arus perubahan dan kehendak pendidikan sejagat. Tokoh-tokoh pendidikan berpendapat bahawa bidang pendidikan itu sendiri sememangnya bersifat dinamik dan mampu bergerak seiring dengan peredaran dan tuntutan semasa dunia pendidikan.

Dalam memikirkan hal ini, maka bolehlah dikiaskan universiti itu ibarat seangkatan perahu yang sedang berlayar di sebatang sungai yang dalam. Sungai itu dibayangkan sebagai pendidikan yang bukan sahaja dalam, bahkan arusnya mengalir dengan begitu deras dan tanpa henti. Sekiranya tidak dikemudi dengan baik, maka dikhuatiri terdapat perahu yang akan hilang kawalan kerana tidak mampu bergelut dengan arus sungai yang mengalir deras dan ganas. Akibatnya, perahu tersebut akan hanyut dipukul arus menuju ke suatu destinasi yang tidak pasti akan berakhir dan ada atau di mana penghujungnya.

Oleh itu, arus perubahan yang datang secara pantas dari segenap pelosok dunia sudah pastinya memberi impak terhadap sistem pendidikan negara dan menjadi cabaran kepada pihak universiti untuk sentiasa bersedia menghadapi kesan perubahan ini. Universiti perlu sentiasa peka dengan arus perkembangan dunia pendidikan semasa dan menggunakan kaedah terbaik

(*best practices*) dari universiti-universiti terkemuka dunia yang terbukti berkesan untuk mencapai hasil atau prestasi yang disasarkan.

Dalam menghadapi cabaran arus perubahan ini, aspek pembangunan mahasiswa kini diberikan perhatian



Bangunan Kementerian
Pengajian Tinggi

yang serius oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan universiti. Malah pihak industri dan masyarakat juga turut memberi perhatian serta mendambakan agar mahasiswa masa kini lebih dinamik, kompeten dan mampu mempamerkan kemahiran insaniah dalam memenuhi kehendak dan pasaran tempatan dan global. Oleh itu, pihak universiti perlu mengorak langkah yang lebih panjang dan deras lagi dalam proses pembinaan peribadi (*character building*) menerusi proses penyemaian dan pemupukan nilai murni di dalam diri individu.

Melihat kepada kepentingan IPT kepada pembangunan negara, maka amat wajar sekali program dan aktiviti pembangunan mahasiswa dilihat semula dan diberikan nafas baharu dengan pengisian berfokuskan elemen inovatif, entrepreneurial dan global. Selain itu, usaha ke arah pembentukan sendiri dan pembangunan diri mahasiswa perlu dijalankan secara bersepadu.

Pertindahan aktiviti dan program pembangunan mahasiswa yang sedang dijalankan oleh pelbagai pihak yang terlibat dengan aktiviti pembangunan mahasiswa di universiti sewajarnya disemak dan disusun semula. Dalam hal ini, pihak universiti berpendapat bahawa mahasiswa perlu menjalani program pembangunan diri yang dikendalikan oleh tenaga pakar yang sedia ada di universiti ini dan dalam suasana pembelajaran ilmu yang kondusif serta tenang.

“ Kepuasan jiwa kerana mencari pengetahuan itulah kepuasan yang sejati. ”